

NP HYDROCORTISONE CREAM

Hydrocortisone acetate (1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan NP Hydrocortisone Cream
2. Bagaimana NP Hydrocortisone Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan NP Hydrocortisone Cream
4. Cara menggunakan NP Hydrocortisone Cream
5. Semasa menggunakan NP Hydrocortisone Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan NP Hydrocortisone Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan NP Hydrocortisone Cream

NP Hydrocortisone Cream digunakan untuk merawat pelbagai keadaan kulit seperti keradangan, kering dan gatal, termasuk ekzema dan selaran matahari (sunburn). Ia sesuai digunakan pada bayi, muka dan kawasan sensitif seperti membran mukus.

Bagaimana NP Hydrocortisone Cream berfungsi

NP Hydrocortisone Cream mengandungi bahan aktif hydrocortisone iaitu kortikosteroid yang berfungsi dengan mengurangkan kemerahan kulit, bengkak, gatal-gatal, dan kerengsaan. Ia mengurangkan keradangan pada kulit, dan membantu penyembuhannya.

Sebelum menggunakan NP Hydrocortisone Cream

- Bila tidak boleh menggunakan
 - Sekiranya anda alah (hipersensitif) kepada hydrocortisone acetate atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).
 - Sekiranya anda mempunyai jangkitan virus, kulat atau bakteria pada kulit.

- Sebelum menggunakan NP Hydrocortisone Cream

Hamil dan menyusukan anak.

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai:

- sebarang keadaan mata atau telinga

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan NP Hydrocortisone Cream

- Berapa banyak harus digunakan

Sapukan lapisan nipis pada kawasan kulit yang terlibat, dua hingga tiga kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Sapukan 2-3 kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda. Kurangkan penggunaan ubat sebaik sahaja keadaan kulit mula pulih.

- Jika anda terlupa menggunakan

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan

telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan NP Hydrocortisone Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan NP Hydrocortisone Cream

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan NP Hydrocortisone Cream kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

NP Hydrocortisone Cream tidak boleh digunakan di dalam atau berhampiran mata atau di dalam saluran telinga jika gegendang telinga mungkin rosak.

Jangan gunakannya untuk jangka masa yang lama, terutamanya pada kawasan yang luas atau di bawah pembalut kedap udara/air semasa mengandungi, menyusu, dan pada bayi.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, NP Hydrocortisone Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

NP HYDROCORTISONE CREAM

Hydrocortisone acetate (1% w/w)

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Pengilang & Pemegang Pendaftaran

Produk

Noripharma sdn. bhd
Lot 5030, Jalan Teratai,
5 1/2 Mile Off Jalan Meru,
41050 Klang,
Selangor Darul Ehsan. Malaysia

Tarikh kemas kini RiMUP

06/01/2025

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)241224/00129

Cara penyimpanan dan pelupusan

NP Hydrocortisone Cream

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C.

Simpan bekas tertutup rapat.

Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim lembut berwarna putih.

- Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Setiap gram mengandungi 10 mg of hydrocortisone acetate (*Micronised*).

-Bahan tidak aktif

Cetostearyl alcohol, cetomacrogol 1000, liquid paraffin, white soft paraffin, chlorocresol, propylene glycol dan purified water.

- Nombor MAL

MAL19870458AZ